

# Kenyataan Tun M sukar siasat PM, TPM tidak berasas - Pemerhati Rasuah



**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

**PETALING JAYA:** Kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa golongan paling sukar disiasat adalah mereka yang memegang kuasa seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ternyata tersasar serta tidak berasas.

Setiausaha Agung Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Rosdi Amir berkata, pada tahun 2015 ketika Datuk Seri Najib Razak masih lagi berkhidmat sebagai Perdana Menteri, SPRM telah memulakan siasatan terhadapnya dalam isu kemasukan wang bernilai RM2.6 bilion ke dalam akaun peribadi beliau.

Katanya, penyiasatan SPRM

bermula pada Julai 2015 rentetan daripada beberapa aduan awam dan liputan media masa dalam negara dan antarabangsa.

"Akhirnya, Najib dibawa ke muka pengadilan dan setelah melalui prosiding yang sah beliau telah disabitkan serta dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

"Bukan setakat itu, pada Julai 2018, SPRM juga telah menyiasat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bagi kes dana Yayasan Akalbudi. Walaupun Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kemudiannya melepas tanpa membebaskan (DNAA) daripada 47 tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram, siasatan baharu tidak pernah diumumkan

sebagai berakhir," katanya.

Untuk rekod, Najib dan Ahmad Zahid dituduh di mahkamah selepas Pakatan Harapan (PH) yang ketika itu diterajui oleh Dr. Mahathir menubuhkan kerajaan selepas menumbangkan Barisan Nasional (BN) pada tahun 2018.

Kes Ahmad Zahid kemudiannya digugurkan apabila pihak pendakwaan memohon DNAA yang ketika itu Presiden UMNO tersebut dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri di bawah Kerajaan Perpaduan tahun lalu.

Mengulas lanjut, Rosdi berkata, pelbagai pihak termasuk menteri dan bekas menteri daripada pelbagai parti turut tidak terkecuali daripada disiasat oleh SPRM.